



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِسلامِ نَغَرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

19 ZULHIJAH 1447H/ 05 JUN 2026M

“MERAIKAN KEPELBAGAIAN, MEMPERKUKUH KEHARMONIAN BERMASYARAKAT”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:
يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Khatib ingin menyeru marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT adalah orang yang paling bertakwa. Pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama memberikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh manghapuskan pahala Jumaat kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan penuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan solat Jumaat. Pada hari ini, mimbar akan membacakan khutbah yang bertajuk ***“Meraikan Kepelbagaian, Memperkukuh Keharmonian bermasyarakat.”***

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Negara kita amat dikenali dengan kemajmukan masyarakat yang terdiri daripada kepelbagaian suku kaum, bahasa, budaya dan agama. Dari segi perspektif Islam, perkara ini adalah *sunnatullah*. Allah SWT menciptakan perbezaan ini bukan untuk mencetuskan permusuhan, diskriminasi, atau rasa megah diri. Sebaliknya, sebagai tanda keagungan penciptaan Allah SWT yang sepatutnya melahirkan rasa kagum dan syukur dalam hati kita. Tujuan kepelbagaian ini adalah untuk kita saling mengenali, memahami, dan menghormati keunikan satu sama lain. Di bumi Malaysia yang bertuah ini, keharmonian kaum ialah nikmat yang amat besar dan wajib untuk kita syukuri dan dipelihara. Oleh itu, kita dituntut untuk membina jambatan ukhuwah dan perpaduan, bukannya meruntukannya dengan sentimen perkauman yang sempit. Pada hakikatnya, kita perlu sedar bahawa di sisi Allah SWT, insan yang paling mulia bukanlah mereka yang berbangsa mulia atau berharta mewah, tetapi mereka yang paling bertakwa. Ketakwaan inilah yang memandu manusia untuk berlaku adil dan menyebarkan kebaikan kepada seluruh alam tanpa mengira latar belakang. Sebagaimana yang ditegaskan dalam mukaddimah ayat pada awal khutbah tadi dalam surah al-Hujurat, ayat 13 **yang bermaksud:** *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu saling mengenal (dan beramah mesra). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.”*

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Konsep kepelbagaian dan keadilan ini bukan sekadar teori, malah ia telah dibuktikan secara praktikal oleh kepimpinan dinamik baginda Rasulullah

SAW melalui pembentukan *Sahifah Madinah* atau Piagam Madinah. Apabila baginda berhijrah ke Kota Madinah al-Munawwarah yang mempunyai penduduk berbilang agama dan suku kaum, baginda telah mengasaskan perlembagaan bertulis pertama di dunia ini. Melalui Piagam Madinah, Rasulullah SAW telah menterjemahkan tuntutan ayat al-Quran dengan memberikan hak-hak yang adil kepada golongan bukan Islam, antaranya jaminan kebebasan beragama, kesaksamaan hak dan perlindungan serta tanggungjawab bersama. Rasulullah SAW memberikan hak sepenuhnya kepada komuniti bukan Islam, termasuklah kaum Yahudi, untuk mengamalkan agama dan adat resam mereka tanpa sebarang paksaan. Kehidupan, harta benda, dan kehormatan golongan bukan Islam yang setia kepada negara dilindungi sepenuhnya di bawah naungan undang-undang Islam. Piagam ini juga meletakkan kewajipan kepada seluruh penduduk Madinah sama ada muslim mahupun bukan muslim untuk bersama-sama mempertahankan Kota Madinah daripada sebarang ancaman musuh.

Model Piagam Madinah ini membuktikan bahawa Islam tidak pernah menafikan hak golongan bukan Islam. Sebaliknya, Islam membina keharmonian atas dasar keadilan sosial, saling bertanggungjawab, dan tolong-menolong dalam perkara kebaikan. Malahan baginda Rasulullah SAW mengingatkan kepada umatnya ketika Khutbah Wida' (khutbah perpisahan), **yang bermaksud:** *"Ketahuilah, tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang bukan Arab ('Ajami), dan tidak ada kelebihan bagi orang bukan Arab ke atas orang Arab; tidak ada kelebihan bagi orang yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, dan tidak ada kelebihan bagi yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah, melainkan dengan takwa."* (Riwayat Imam Ahmad)

SIDANG JAMAAH YANG DIMULIAKAN,

Marilah kita merenung sejenak akan bumi bertuah Sabah negeri di bawah bayu yang kita diami ini. Kepelbagaian kaum yang ada di sekeliling kita hari ini bukanlah satu kebetulan, melainkan bukti nyata akan keagungan dan kekuasaan Allah SWT dalam menciptakan makhluk-Nya. Ketahuilah sidang jamaah sekalian, bumi Sabah yang kaya dengan adat dan budaya ini dihuni oleh 35 kumpulan etnik utama yang diiktiraf secara rasmi. Namun, jika kita amati corak kehidupan bermasyarakat di kawasan pedalaman, tanah tinggi, dan pesisir pantai, bumi ini sebenarnya didiami oleh masyarakat pribumi yang terdiri daripada 217 sub-etnik dan suku kaum kecil. Sub-etnik ini pula saling berinteraksi menggunakan lebih daripada 50 bahasa peribumi yang berbeza, serta dihiasi dengan hampir 90 dialek pertuturan.

Lihatlah betapa indahnya aturan Allah SWT. Di tanah tinggi dan lembah, kita bersaudara dengan saudara kita daripada etnik Kadazan-Dusun yang mempunyai puluhan pecahan suku seperti Liwan, Tindal, Rungus, dan Lotud. Di sepanjang pesisir pantai pula, kita hidup harmoni bersama komuniti Bajau Samah, Bajau Laut, Suluk, Iranun, Melayu Brunei, dan Kedayan. Manakala di kawasan pedalaman, kita diserikan dengan kehadiran saudara kita daripada etnik Murut, Lundayeh, Orang Sungai, dan banyak lagi. Persoalannya, mengapakah Allah SWT menciptakan kepelbagaian yang begitu besar di negeri kita ini? Adakah untuk kita saling berpuak-puak? Adakah untuk kita merasa kaum dan bangsa kita lebih mulia, lalu memandang rendah suku kaum yang lain?

Sekali-kali tidak, wahai sidang jamaah! Berbalik kepada pesanan Rasulullah SAW dalam Khutbah Wida' yang kita hayati tadi: *"Tidak ada*

kelebihan bagi orang Arab ke atas orang bukan Arab, melainkan dengan takwa.”

Dalam konteks kita di Malaysia dan Sabah khususnya, tiada kelebihan mutlak bagi satu-satu etnik ke atas etnik yang lain. Merit di sisi Allah SWT tidak dikira pada budaya dan tradisi yang kita warisi. Nilai kita tidak diukur pada bahasa ibunda yang kita pertuturkan, dan kedudukan kita tidak dinilai pada bentuk rumah tradisi kita. Di sisi Allah SWT, insan yang paling mulia dalam kalangan 217 sub-etnik ini ialah mereka yang paling bertakwa kepada-Nya. Oleh itu, mimbar menyeru, marilah kita jadikan kepelbagaian ini sebagai jambatan untuk saling mengenali (*li-ta'arafu*), saling menghormati, dan hidup bersatu-padu serta mempertautkan ukhuwah dan kasih sayang. Buanglah sifat prejudis, jauhilah kata-kata nista, dan suburkanlah semangat persaudaraan sejati demi kelangsungan dan keharmonian hidup generasi pewaris kita yang mendatang. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Disebalik tembok-tembok besi yang sunyi, dibalik pintu-pintu yang terkunci rapat, ada hati-hati yang sedang menangis, ada jiwa-jiwa yang sedang menyesal dan ada insan-insan yang sedang mencari jalan pulang kepada Tuhan mereka. Mimbar menyeru para jamaah Jumaat sekalian, bersempena sambutan Hari Penjara Malaysia Ke-236, bertemakan Penjara Selamat, Berdaya Huni dan Menginspirasi Harapan. Marilah kita melihat insan-insan ini dengan mata hati bukan sekadar menghukum, tetapi memahami dan menginsafi. Pihak kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan beberapa program pemulihan dalam Komuniti (PDK) sebagai langkah mengurangi kadar pengulangan jenayah. Justeru, marilah kita bersama-sama menjadi jambatan harapan, bukannya tembok yang menghalang dengan memberi peluang pekerjaan, bimbingan dan sokongan moral agar mereka terus istiqomah di jalan yang benar.

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.
فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ

الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتُوا نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman.

Ya Allah, jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka. Ya Allah, timpakanlah azab dan kekuasaan-Mu ke atas para penzalim yang melampaui batas, runtuhkanlah kesombongan mereka, dan goncangkanlah bumi di bawah telapak kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com